

Maklumat Komoditi : Melor

Maklumat Umum

Bunga melor atau melati dipercayai berasal dari India. Terdapat beberapa spesis yang ditanam di Malaysia dan ia berbeza dari segi bentuk pokok dan warna bunga. Jenis yang popular ialah jenis *Jasminum sambac* yang berbunga putih bersih, berkelopak selapis atau berlapis dan berbau harum.

Di Malaysia pokok bunga melor ditanam secara kecil-kecilan sekadar penghias laman. Ia digunakan oleh orang Melayu dan India di dalam upacara-upacara adat dan keagamaan selain daripada penghias di rambut. Memandangkan kepada permintaan yang meningkat masa kini tanaman ini mempunyai potensi untuk diusahakan secara komersil. Selain untuk kegunaan segar, bunga melor juga diguna untuk menghasilkan minyak dan digunakan sebagai satu bahan di dalam 'pot-pourri' dan aromaterapi.

Kesesuaian Tanaman

Tiada Rekod Ditemui

Penyediaan Tanah

Pokok bunga melor tumbuh baik di kawasan iklim tropika dan subtropika. Ia di dapati tumbuh baik di dataran sehingga ketinggian 600 m daripada paras laut dan sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah kecuali tanah berpasir dan tidak sesuai ditanam di kawasan yang di takungi air. Pokok akan mati jika terendam melebihi 3 hari.

Pengairan Dan Saliran

Tiada Rekod Ditemui

Sistem Penanaman

Kawasan penanaman yang dipilih hendaklah mempunyai saliran yang

baik. Pembersihan kawasan perlu dibuat lebih awal. Pokok melor boleh ditanam di atas batas, busut-busut kecil atau di atas tanah rata. Bagi kawasan penanaman yang bertakung air, parit saliran perlu disediakan.

Sistem Pembajaan

Masa Membaja	Jenis Baja	Kadar Pembajaan/ Pokok
1. Sebelum Mengubah (baja lubang)	CIRP + Baja Organik	50 g CIRP + 200 g baja organik
2. Bulan Pertama	Baja Organik	100 g
3. Bulan Kedua	Baja Organik	100 g
4. Bulan Ketiga	Baja Organik	50 g
5. Bulan Keempat	Baja NPK 15:15:15	100 g
6. Bulan Kelima	Baja Organik	50 g
7. Bulan Keenam	Baja NPK 15:15:15	Kadar seperti di atas sehingga tahun ke 4 dan seterusnya kadar NPK ditambah kepada 500g sepokok
8. Bulan- bulan seterusnya	Diselang-seli baja Organik dan NPK 15:15:15	setahun.

Penuaian

Pokok melor yang mencapai umur 6 bulan biasanya sudah mula mengeluarkan bunga. Pengeluaran maksima adalah selepas 2 tahun ditanam secara tampang. Bunga melor dikutip pada peringkat kudup (kuntum belum kembang) dan dilakukan secara mengutip dibahagian tangkai kudup. Bunga dipetik di waktu pagi iaitu antara pukul 6.00 pagi- 10.00 pagi kerana bunga di dapati paling harum di waktu ini. Pemetik bunga yang mahir dapat memetik 4 kilogram bunga pada setiap pagi.

Varieti

Bil.

Varieti